

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto
[Batu Kawan]**

NO. SOALAN : 192

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan semua projek-projek menaiktaraf jalan yang telah dimasukkan bagi kawasan luar bandar di Parlimen Batu Kawan, jumlah kos yang terlibat serta tempoh masa penyiapan bagi projek-projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai projek-projek menaik taraf jalan di bawah program Jalan Perhubungan Desa yang telah dimasukkan bagi kawasan Parlimen Batu Kawan untuk pelaksanaan tahun 2014 berjumlah RM150,000.00 seperti senarai berikut:

1. Menaik taraf jalan Bukit Kecil Juru – RM50,000.00;
2. Menaik taraf jalan Kg Tok Kangar Juru – RM50,000.00;
3. Menaik taraf jalan mini tar Kg Tok Panjang – RM30,000.00; dan
4. Menaik taraf jalan mini tar Kebun Sireh – RM20,000.00.

Tempoh masa penyiapan kesemua projek ini adalah selama tiga bulan dan kesemuanya dijangka siap pada bulan Ogos 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk membantu pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke IPTS tetapi adalah dari latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah memandangkan ada satu peruntukan bagi membantu pelajar-pelajar IPTA.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ada menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar dari latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Penentuan jumlah pembiayaan pendidikan PTPTN adalah berdasarkan pendapatan bersih ibu bapa atau penjaga atau pasangan pemohon seperti berikut:

- i) Penuh iaitu pendapatan bersih tidak melebihi RM4,000.00
- ii) Sebahagian iaitu pendapatan bersih melebihi RM4,000.00 hingga RM5,000.00
- iii) Yuran iaitu pendapatan bersih melebihi RM5,000.00